

Gagal miliki Sijil Perakuan Bomba, pengurus gudang didenda RM10,000

MIRI: Seorang pengurus gudang didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas kesalahan gagal memiliki Sijil Perakuan Bomba dalam tempoh ditetapkan.

Hukuman itu dijatuhkan Hakim Afidah Abdul Rahman selepas wakil syarikat terbabit mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 33 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).

Mengikut kesalahan ini, mereka boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, berdasarkan rujukan fail mendapati Sijil Perakuan Bomba bagi premis berkenaan yang telah tamat tempoh.

Sehubungan itu, pada jam 2.30 petang, 19 Ogos 2025, satu pemeriksaan bagi tujuan memperbaharui Sijil Perakuan Bomba di bawah Seksyen 28 (2) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 telah dilakukan ke atas gudang berkenaan dan mendapati Pepasangan Keselamatan Kebakaran di premis tersebut tidak berada dalam keadaan baik.

Susulan itu, pada 26 Ogos tahun sama, satu notis pem-



TINDAKAN TEGAS: (Dari kiri) Hafizul, Awangku dan Deday ketika hadir ke mahkamah untuk pendakwaan kes tersebut semalam.

beritahuan tentang keperluan-keperluan yang perlu dipatuhi telah diserahkan kepada wakil premis dan diberikan tempoh 180 hari untuk melakukan pemuatan notis, sekiranya gagal berbuat demikian dalam tempoh ditetapkan, premis tersebut dianggap tidak mempunyai Perakuan Bomba.

Pemeriksaan semula yang dilakukan ke atas premis berkenaan pada jam 9.30 pagi, 26 Januari lalu, mendapati premis berkenaan

masih gagal mematuhi notis pemberitahuan yang dikeluarkan sebelum ini.

Hasil siasatan lanjut mendapati pada jam 9.30 petang, 12 Mac lalu, premis berkenaan masih gagal memiliki Perakuan Bomba yang sah dalam tempoh ditetapkan.

Di hadapan mahkamah, pihak pendakwaan memohon hukuman setimpal dikenakan ke atas pemilik premis dengan mengambil kira kepentingan awam sebagai perkara utama serta sebagai peringatan ke-

padan individu atau pemilik premis lain supaya tidak melakukan kesalahan yang sama pada masa hadapan.

Tambahnya, walaupun dengan mengaku bersalah pemilik premis telah menjimatkan kos dan masa mahkamah, namun kegagalannya mematuhi notis pemuatan yang dikeluarkan telah menyebabkan premis berkenaan tidak mempunyai Sijil Perakuan Bomba yang sah sejak September 2025.

Ketiadaan sijil itu tegasnya, membuktikan premis tersebut tidak dilengkapi peralatan memadam kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran yang diwajibkan oleh undang-undang.

Apatah lagi, premis tersebut digunakan sebagai kemudahan penyimpanan pelbagai guna bahan pembungkusan mudah terbakar khususnya kotak kadbod.

Pendakwaan kes dikendalikan Penguasa Bomba Hafizul Abdul Kadir dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak.

Turut hadir di mahkamah, pegawai penyiasat kes, Penolong Kanan Penguasa Bomba Deday Kipli dan Penguasa Kanan Bomba II Awangku Mohd Hazmin Awang Zainal selaku pegawai pemantau.